

SOLULEXIN GRANULES

Cephalexin (125mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan SOLULEXIN
2. Bagaimana SOLULEXIN berfungsi
3. Sebelum menggunakan SOLULEXIN
4. Cara menggunakan SOLULEXIN
5. Semasa menggunakan SOLULEXIN
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan SOLULEXIN
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan SOLULEXIN

SOLULEXIN digunakan untuk merawat jangkitan bakteria pada bahagian tertentu badan seperti:

- saluran pernafasan (dada, paru-paru, tonsil, tekak)
- sinus
- kulit
- saluran genitourinari (buah pinggang, pundi kencing, prostat)

Doktor anda mungkin mempreskripsikan SOLULEXIN untuk tujuan lain. Tanya doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang soalan tentang sebab SOLULEXIN dipreskripsikan kepada anda.

Bagaimana SOLULEXIN berfungsi

Cephalexin ialah antibiotik yang tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai cephalosporin.

Cephalexin bertindak dengan mengganggu keupayaan bakteria untuk membentuk dinding sel. Ini akan menghentikan pertumbuhan bakteria dan akan membunuhnya.

Sebelum menggunakan SOLULEXIN

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil SOLULEXIN jika:

- Anda alah kepada cephalexin, cephalosporin lain atau sebarang kandungan yang disenaraikan pada bahagian akhir risalah ini. Tanda-tanda tindak balas alahan mungkin termasuk: batuk, sesak nafas, semput atau kesukaran bernafas, muka, bibir, lidah, tekak atau bahagian-bahagian badan yang lain yang bengkak, ruam, kulit gatal, pengsan; atau simptom demam alergi.
- Anda mempunyai reaksi alahan yang serius terhadap mana-mana penicillin.

Anda berkemungkinan besar mempunyai reaksi alergi terhadap SOLULEXIN sekiranya anda alahan terhadap mana-mana penicillin.

Jangan menggunakan SOLULEXIN jika:

- Pembungkusan terkoyak atau menunjukkan tanda salahguna
- Jangan menggunakan selepas tarikh luput seperti yang dicetak pada botol atau kotak.
- Jika anda tidak pasti sama ada anda harus mula mengambil SOLULEXIN

hubungi doktor atau ahli farmasi anda

- Sebelum menggunakan SOLULEXIN

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat lain, makanan atau pengawet.

Beritahu doktor anda jika anda hamil atau bercadang untuk hamil atau menyusukan bayi. Doktor anda akan berbincang dengan anda mengenai risiko dan manfaat mengambil ubat ini.

Beritahu doktor jika anda mempunyai atau pernah mengalami sebarang masalah kesihatan seperti yang berikut:

- Penyakit buah pinggang
- Masalah usus
- Penyakit hati

Beritahu doktor jika anda perlu melakukan ujian darah atau air kencing.

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-mana perkara di atas, beritahunya sebelum anda mula mengambil SOLULEXIN.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuklah sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan SOLULEXIN boleh bertindak balas satu sama lain. Ini termasuklah probenacid yang digunakan untuk merawat gout.

Ubat ini mungkin dipengaruhi oleh SOLULEXIN atau mungkin menjejaskan fungsinya. Anda mungkin perlu mengambil ubat anda dalam jumlah yang berlainan atau anda mungkin perlu mengambil ubat yang berlainan.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat lain yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa anda mengambil SOLULEXIN.

Cara menggunakan SOLULEXIN

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada informasi yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa

Dos biasa adalah 250mg diambil setiap 6 jam. Doktor anda mungkin akan mengesyorkan dos yang berlainan bergantung kepada keadaan anda.

Kanak-kanak

Doktor akan memberitahu anda berapa banyak cephalixin yang anak anda perlu ambil. Ini bergantung kepada umur, berat badan dan jenis jangkitan yang dihadapi.

- Bila perlu digunakan

Ambil ubat anda pada masa yang sama setiap hari.

Mengambil setiap dos SOLULEXIN pada masa yang sama setiap hari akan memberi

kesan terbaik. Ia juga akan membantu anda mengingati masa mengambil ubat.

- Berapa lama perlu digunakan

Ambil SOLULEXIN secara berterusan sehingga pek ini habis atau seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jika tidak, ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa.

Jika anda sukar mengingati masa untuk mengambil pil anda, minta petua daripada ahli farmasi anda.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil SOLULEXIN, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Simptom-simptom terlebih dos adalah seperti berikut:

- sawan
- halusinasi
- hyper-reflexia (selepas kecederaan spinal cord)

- ketidakseimbangan elektrolit
- ketidakseimbangan gastrousus
- hematuria (darah dalam air kencing)

Semasa menggunakan SOLULEXIN

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang merawat anda bahawa anda sedang mengambil SOLULEXIN.

Jika simptom jangkitan anda tidak bertambah baik dalam beberapa hari, atau jika ia menjadi lebih buruk, beritahu doktor anda.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami cirit-birit teruk. Ini mestilah dilakukan walaupun ia berlaku beberapa minggu selepas SOLULEXIN dihentikan.

Cirit-birit boleh bermakna anda mengalami keadaan yang serius yang menjejaskan usus anda. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera. Jangan mengambil sebarang ubat cirit-birit tanpa memeriksa dengan doktor anda terlebih dahulu.

Jika anda hamil semasa anda mengambil SOLULEXIN beritahu doktor anda dengan segera.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil SOLULEXIN.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil SOLULEXIN jika keadaan anda bertambah baik, melainkan dinasihati oleh doktor anda.

Jika anda tidak menghabiskan semua ubat yang dipreskripsikan oleh doktor anda, semua bakteria yang menyebabkan jangkitan anda mungkin tidak dibunuh. Bakteria ini akan terus membiak dan bertambah menyebabkan jangkitan anda tidak pulih sepenuhnya atau ia mungkin kembali.

Jangan mengambil SOLULEXIN untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana SOLULEXIN mempengaruhi anda.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan mengenai kesan mengambil ubat ini.

Jangan khawatir dengan senarai ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan berikut yang membimbangkan anda:

- cirit-birit
- rasa loya
- muntah-muntah
- senak perut
- sakit perut
- ruam kulit
- gatal-gatal

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers* → *Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan SOLULEXIN

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknyanya sehingga tiba masa untuk mengambilnya.

Untuk digunakan dalam masa 7 hari selepas pencampuran. Selepas pembancuhan semula, simpanan adalah antara 2-8° C.

Jangan simpan SOLULEXIN atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Jangan tinggalkan ubat di atas unjuran tapak tingkap atau dalam kereta.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

- Pelupusan

Jika doktor atau ahli farmasi anda mengarahkan anda berhenti mengambil SOLULEXIN atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

SOLULEXIN GRANULES 125MG/5ML

- Serbuk berwarna keputihan apabila dilarutkan membentuk cecair seragam berwarna putih dan berperasa nanas.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- Cephalexin

Bahan tidak aktif:

SOLULEXIN GRANULES 125MG/5ML

- Methylparaben
- Saccharin sodium
- Dextrose
- Pineapple essence
- Propylparaben
- Colloidal silicon dioxide
- Sodium carboxymethyl cellulose

- Nombor MAL

SOLULEXIN GRANULES 125MG/5ML
MAL10100147AC

Pengilang

UPHA PHARMACEUTICAL
MANUFACTURING (M)
SDN BHD
2, Jalan Saudagar U1/16,
Seksyen U1, Hicom Glenmarie
Industrial Park, 40150 Shah
Alam, Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran
Produk**

DUOPHARMA (M) SDN.
BHD. (42491-M)
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,
41200 Klang, Selangor Darul
Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP

16/12/2015

Nombor siri

BPFK(R4/1)161215/00497